

**SYARAT-SYARAT PENYERTAAN TAWARAN/SEBUTHARGA  
PUSAT PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PUSAT L3),  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**BILANGAN SEBUTHARGA : L3C/B00405/2021-2022/06**

**TARIKH TUTUP & HARI : 21 OGOS 2021 (SABTU) JAM : 8.30 PAGI**

<b>BILANGAN</b>	<b>KETERANGAN</b>
<b>1) Penyertaan</b>	<p>Penyertaan adalah dibukakan kepada Syarikat/Pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam</p> <p>Syarikat / Pembekal yang ingin mengikuti tawaran/sebutharga ini hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berdaftar di Negara Brunei Darussalam dan mempunyai dokumen berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Sijil Pendaftaran (<i>Section 16 &amp; Section 17</i>) atau</li> <li>○ Perakuan Penubuhan Syarikat Persendirian (Sijil &amp; Borang X) yang masih sah</li> </ul> </li> <li>• Berdaftar dengan TAFIS dan mempunyai pengetahuan/pengalaman menggunakan sistem <i>E-Invoice</i></li> </ul>
<b>2) Butiran</b>	<p>Sebutharga hendaklah dihantar dengan menggunakan borang yang disediakan dengan memastikan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Borang Sebutharga disikan dengan betul dan terang</li> <li>• Setiap halaman dicop dengan nama Syarikat/Pembekal (ruang petak yang bertanda 'Cop Syarikat'/'<i>Company's Stamp</i>')</li> <li>• Keterangan maklumat sebutharga (Keterangan sebutharga dari Syarikat/Pembekal) hendaklah ditaip (<i>type-written</i>) atau ditulis dengan jelas dan kemas dalam ruangan yang disediakan</li> <li>• Jika pihak Syarikat/Pembekal tidak dapat / tiada memberikan sebutharga, sila nyatakan 'Tidak ada sebutharga' / '<i>No Quote</i>' / '<i>No Offer</i>'</li> <li>• Maklumat yang diberikan di dalam Borang Sebutharga hendaklah sah dan benar</li> <li>• Sebarang pindaan (<i>amendments</i>) / kesalahan ke atas mana-mana maklumat mestilah dipotong, ditandatangani ringkas dan dicop dengan nama syarikat. Penggunaan apa-apa bentuk pepadam adalah <b>TIDAK dibenarkan</b></li> </ul>
<b>3) Tempoh Sahlaku Tawaran</b>	<p>Tempoh sahlaku sebutharga diberikan hendaklah <b>Minima Enam (6) Bulan</b> dari tarikh tutup sebutharga seperti dinyatakan dalam Borang Sebutharga</p>

<p><b>4) Borang Sebutharga &amp; Pembayaran</b></p>	<p>Syarikat/Pembekal yang berminat untuk menyertai tawaran/sebutharga ini adalah dikehendaki untuk mengisi Borang Penyertaan <b>secara atas talian (online)</b> melalui pautan: <a href="https://cutt.ly/tQhFYfe">https://cutt.ly/tQhFYfe</a> dan membuat pembayaran secara <b>WANG TUNAI</b> sebanyak <b>BND\$5.00 (tidak dikembalikan) bagi setiap projek</b> ke:</p> <p><b>Tingkat 1, Blok Pentadbiran, Kaunter Unit Kewangan dan Perolehan, Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (Pusat L3), Kementerian Pendidikan.</b></p> <p><b><u>WAKTU PEMBAYARAN</u></b>  <b>Isnin – Khamis : 8.30 Pagi – 11.30 Pagi</b>  <b>Sabtu : 8.00 Pagi – 10.00 Pagi</b></p> <p>Selepas pembayaran dibuat, salinan resit pembayaran bagi setiap projek hendaklah terlebih dahulu diemel oleh pihak Syarikat/Pembekal yang berminat ikut serta tawaran/sebutharga tersebut kepada <a href="mailto:finance.l3c@moe.gov.bn">finance.l3c@moe.gov.bn</a> untuk tujuan mengesahkan pembayaran</p> <p>Borang Sebutharga dan dokumen yang berkaitan akan dihantar kepada pihak Syarikat/Pembekal sebaik sahaja pihak Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (Pusat L3) menerima salinan resit pembayaran Syarikat/Pembekal tersebut</p>
<p><b>5) Dokumen-Dokumen Untuk Disertakan</b></p>	<p>Syarikat / Pembekal hendaklah menyertakan borang dokumen-dokumen seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Salinan Sijil Pendaftaran (<i>Section 16 &amp; Section 17</i>) atau Perakuan Penubuhan Syarikat Persendirian (Sijil &amp; Borang X)</li> </ul>
<p><b>6) Tempat Menghantar</b></p>	<p>Borang sebutharga yang lengkap (<i>hardcopy</i>) dan dokumen-dokumen yang disenaraikan di atas (Bilangan 5) mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup dan dihantar <b>sebelum tarikh tutup iklan</b> ke:</p> <p><b>Tingkat 1 (Peti Surat Sebutharga),  Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (Pusat L3),  Jalan 10 Selatan, RPN Lambak Kanan, BC2315,  Negara Brunei Darussalam.</b></p> <p>Tawaran yang lewat diterima dari Tarikh Tutup dan Jam yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan</p>
<p><b>7) Pertanyaan</b></p>	<p>Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung terus dengan Unit Estet dan Fasiliti, Pusat L3 di <b>Talian +673 2346201, Sambungan 112</b> atau Emel: <a href="mailto:estate.l3c@moe.gov.bn">estate.l3c@moe.gov.bn</a></p>